

31/08/1997

Pertahan kemerdekaan (HL)

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya memelihara dan mempertahankan kemerdekaan bagi mengelakkan penjajah menguasai semula negara ini.

Menurut Perdana Menteri, kebelakangan ini sudah ada tanda-tanda penjajah cuba menjajah sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutama apabila orang asing dengan mudah boleh membelasah dan memburukkan ekonomi negara.

"Janganlah kita fikir sekali merdeka, maka selama-lamanya kita akan merdeka. Jika kita tidak berusaha memelihara kemerdekaan kita, penjajah secara langsung atau tidak langsung akan kembali menjajah kita," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam perutusan sempena ulang tahun ke-40 Hari Kemerdekaan yang disiarkan secara langsung menerusi stesen radio dan televisyen tempatan, malam semalam.

Sambil merujuk isu kejatuhan nilai mata wang dan saham yang dialami negara sekarang, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu menerima hakikat bahawa negara tidak lagi dapat dilindungi oleh batas sempadan.

"Hari ini kita sudah lihat bagaimana mudahnya orang asing boleh meruntuhkan ekonomi kita dengan sengaja menjatuhkan nilai mata wang dan pasaran saham kita," katanya.

Menurutnya, rakyat juga hendaklah berwaspada terhadap unsur-unsur dalam negara yang boleh menghancurkan semua kejayaan yang dicapai dan nikmati sekarang.

"Adalah amat penting rakyat berbilang kaum di negara ini tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dan tuduhan yang tidak berasas. Kita tidak harus mengambil pendirian yang ekstrim berkenaan dengan apa-apa perkara.

"Sebaliknya, kita hendaklah membendung perasaan, bersikap rasional dan sanggup mendengar penjelasan dan berunding untuk mengatasi apa juga masalah," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat supaya membuat penyesuaian dan perubahan dalam melangkah abad ke-21 yang lebih mencabar supaya tidak ketinggalan zaman.

"Kerajaan melancarkan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk menjamin negara tidak ketinggalan dalam era teknologi maklumat (IT). Kita hendaklah sambut projek ini dengan melengkapkan diri dengan ilmu dan kecekapan yang diperlukan," katanya.

Beliau berkata, kerajaan turut memberi tumpuan untuk membesarkan kumpulan Bumiputera yang mempunyai pendapatan sederhana.

Ini kerana kata Dr Mahathir, masih ramai pemaju projek perumahan kos sederhana, misalnya, sukar menjual rumah kepada Bumiputera.

"Dengan itu kebanyakan kawasan perumahan yang baru, diduduki satu kaum sahaja. Keadaan ini adalah tidak sihat," katanya.

Berikutan itu, kata beliau, kerajaan mengadakan beberapa rancangan untuk mewujudkan kelas Bumiputera sederhana, tetapi sambutan Bumiputera hendaklah ditingkatkan.

"Mereka hendaklah sanggup berusaha bersungguh-sungguh mempelajari kecekapan pengurusan dan perniagaan. Mereka yang berusaha secara serius dan tekun tetap akan berjaya," katanya.

"Jika kita berjaya mengimbangkan peratusan Bumiputera kelas menengah dengan bukan Bumiputera dalam kelas yang sama, maka kestabilan negara kita akan lebih terjamin dan sudah tentu ini akan membantu memesatkan

pembangunan negara," katanya.

(END)